

HUBUNGAN ANTARA TINGKAH LAKU JURULATIH SUKAN DENGAN KEPUASAN DAN MOTIVASI ATLET SEKOLAH SUKAN DI SABAH

RELATIONSHIP BETWEEN THE COACHES' BEHAVIOR WITH THE SATISFACTION AND MOTIVATION OF SPORTS SCHOOL ATHLETIC IN SABAH

Mohamad Nizam Nazarudin¹
Chong Swee Le¹
Zakiah Noordin²
Mohd Firdaus Bin Abdullah³
Mohd Khairulanwar Bin Md Yusof⁴

¹ Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti
Malaysia Sabah, Sabah

²Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Sabah

³Universiti Teknikal Malaysia, Melaka

⁴Universiti Teknologi Mara, Perlis

Accepted date: 5 June 2017

Published date: 30 October 2017

To cite this document:

Nazarudin, M.N., Le, C. S., Noordin, Z., Abdullah, M.F., & Md Yusof, M.K. (2017). Hubungan Antara Tingkah Laku Jurulatih Sukan Dengan Kepuasan dan Motivasi Atlet Sekolah Sukan di Sabah. *International Journal of Psychology and Counselling*, 2(5), 279-297.

Abstrak: Kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara tingkah laku jurulatih sukan dengan kepuasan dan motivasi atlet sekolah sukan di Sabah. Seramai 127 orang atlet dari sekolah sukan Malaysia di Sabah telah dipilih dalam kajian ini. Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif bukan eksperimen dengan menggunakan kaedah tinjauan untuk menjawab objektif kajian. Kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan jantina. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan kategori sukan dan tahap penglibatan atlet. Selain daripada itu, kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tingkah laku jurulatih dari semua dimensi dengan kepuasan atlet. Akhirnya kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tingkah laku jurulatih dari semua dimensi dengan motivasi atlet. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan tingkah laku jurulatih dari semua dimensi terhadap kepuasan dan motivasi atlet.

Kata Kunci: Tingkahlaku, Kepuasan, Motivasi, Jurulatih, Atlet.

Abstract: *This study is to identify the relationship between the coaches' behavior with the satisfaction and motivation of sports school athletic in Sabah. A total of 127 athletes from the Malaysian Sports School in Sabah have been involved in the study. This study is a quantitative non-experimental study using survey methods to answer research objectives. The study showed that there were no significant differences in coaches' behavior among athletes, based on gender. However, studies show that there are significant differences in coaches' behavior among athletes, by sport category and level of athlete's involvement. In addition, the study also shows that there is positive and significant relationship between of all coaches' behavior dimensions with athletes' satisfaction. Finally, the study also shows that there is positive and significant relationship between all dimensions of coaches' behavior with the athletes' motivation. Overall, the results show that there is a relationship between all the dimensions of coach behavior with athletes' satisfaction and motivation.*

Keywords: *Behavior, Satisfaction, Motivation, Coach, Athlete.*

Pengenalan

Kejayaan seseorang atlit di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa dipengaruhi oleh pelbagai faktor (Shaharudin, 2005). Antaranya faktor adalah intrinsik atlit, bantuan moral dari pihak keluarga, prestasi kemahiran yang semakin baik dan gaya kepimpinan jurulatih. Faktor ekstrinsik menyebabkan atlit cemerlang seperti tingkah laku jurulatih yang diamalkan oleh seseorang, faktor pengiktirafan dan penghargaan seperti wang, pingat kecemerlangan dan gelaran yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu. Model Kepimpinan Multidimensi (Chelladurai, 1990) menyatakan bahawa kejayaan dan kepuasan subordinat sama ada atlit atau ahli mempunyai perkaitan dengan ketiga-tiga aspek iaitu tingkah laku sebenar, tingkah laku yang disukai dan tingkah laku yang diperlukan adalah satu faktor yang boleh menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan seseorang atlit dalam sesuatu pertandingan adalah disebabkan oleh interaksi mereka dengan jurulatih mereka.

Selain itu, tingkah laku jurulatih yang terancang mempunyai hubungan secara langsung atau tidak langsung yang akan menyebabkan seseorang atlit di bawah kendalian akan merasa puas. Seseorang jurulatih memainkan peranan penting dalam melahirkan atlit-atlit dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi meningkatkan prestasi atlit dalam sukan yang mereka ceburi (Mallet, 2003). Proses interaksi antara jurulatih dengan atlit adalah satu komponen yang sangat penting untuk meningkatkan prestasi dan kepuasan seseorang atlit (Gibbons et al, 2003; Frontiera, 2006; Sarpa et al, 1991).

Sorotan Literatur

Tingkah laku jurulatih, kepuasan dan motivasi

Kepuasan seseorang atlit dalam latihan atau kejohanan yang disertainya akan dipengaruhi oleh faktor atlit sendiri tetapi ada juga faktor-faktor lain. Oleh yang demikian, tingkah laku jurulatih yang memberi kesan kepada pencapaian dan kepuasan atlit secara langsung atau tidak langsung akan terus meningkatkan pencapaian dan motivasi atlit. Jurulatih perlu mempunyai pelbagai cara bagi menangani masalah yang akan dihadapi oleh atlit, perlu kepakaran dalam membantu atlit bagi mencapai kepuasan dalam kejohanan yang disertai. Atlit itu sendiri, individu lain yang boleh mempengaruhi prestasi sukan seseorang atlit adalah jurulatih mereka.

Chelladurai dan Carron (1978) telah menyatakan bahawa prestasi sukan mudah dipengaruhi dengan positif sekiranya jurulatih menyesuaikan tingkah laku untuk memenuhi keperluan atlit. Pernyataan ini telah disokong oleh pengkaji lain (Murray, 2006). Selain itu, Kepuasan hati seseorang pemain dalam sukan berkait rapat dengan tingkah laku seseorang jurulatih tersebut (Iso-Ahola & Hatfield, 1986) dan bukan disebabkan prestasi pasukan yang berjaya. Tingkah laku jurulatih yang positif adalah salah satu faktor utama yang mempengaruhi prestasi atlit. Jurulatih yang menunjukkan tingkah laku yang positif akan diingati oleh atlit mereka dan akan menjadi contoh (Stewart, 1993). Untuk memahami tingkah laku kejurulatihan yang diinginkan, beberapa kajian telah dilaksanakan untuk mengukur tingkah laku jurulatih (Chelladurai & Saleh, 1978, 1980; Fleishman, 1957; Halpin & Viner, 1957; Hemphill & Coons, 1957; Zhang, 1993).

Selain itu, daripada kajian-kajian yang lepas, para penyelidik telah cuba untuk membangunkan instrumen untuk mengukur tingkah laku kejurulatihan. Ukuran yang paling kerap digunakan adalah skala kepimpinan sukan (Leadership in Sports Scale, LSS). Walau bagaimanapun, LSS ini telah menunjukkan beberapa masalah psikometri. (Côté, et al, 1996). Beberapa penulisan telah menyatakan penggunaan instrumen ini secara meluas telah mendatangkan masalah (Gordon, 1986; Summers, 1983). Hal ini kerana kajian yang dilakukan sebelum ini tidak dapat memberi fakta yang betul, tepat dan kurang membantu jurulatih-jurulatih untuk memperbaiki tingkah laku mereka.

Sementara itu, teori untuk pembangunan skala tingkah laku jurulatih sukan (Coaching Behavior Scale, CBS-S) telah direka untuk menilai tingkah laku jurulatih dari perspektif atlit (Côté, et al, 1996). Terdapat tujuh sub-skala dalam instrumen CBS ini iaitu melibatkan kekerapan jurulatih melaksanakan latihan fizikal dan perancangan, kemahiran teknikal, persediaan mental, penetapan matlamat, strategi pertandingan, hubungan peribadi. CBS-S boleh digunakan sebagai alat penyelidikan untuk menyediakan data mengenai tingkah laku seseorang jurulatih tersebut. Semasa mengkaji tingkah laku jurulatih, mungkin sesuai juga bagi pengkaji untuk memberi tumpuan kepada jenis sukan yang diceburi jurulatih itu mempengaruhi tingkah laku yang ditunjukkannya. Hal ini kerana pelbagai jenis sukan yang dipertandingkan dalam sesuatu kejohanan itu boleh diklasifikasikan kepada sukan individu dan sukan berpasukan.

Permasalahan kajian

Ramai jurulatih membawa pasukan mereka dengan gaya yang mereka rasakan yang terbaik. Adalah penting untuk jurulatih memahami setiap keperluan dan keinginan atlit untuk memperbaiki kepuasan atlit tersebut (Reimer & Chelladurai, 1998). Kebanyakan jurulatih gagal untuk mengambil kira keperluan dan kehendak pemain mereka. Tingkah laku kejurulatihan yang baik dan disukai oleh atlit boleh membawa kepada kepuasan dan peningkatan prestasi atlit. Jurulatih yang memahami apa yang dikehendaki oleh atlit mereka sendiri mungkin lebih berkesan dalam memotivasikan atlit mereka tersebut (Horn, 2002). Di samping itu, semasa mengendalikan sesebuah pasukan sama ada di peringkat sekolah dan daerah atau pun negeri seseorang jurulatih itu bukan hanya pengurus pasukan seharusnya mempunyai tingkah laku jurulatih yang tersendiri. Tingkah laku dan kepuasan kerja jurulatih ini merupakan faktor pencapaian motivasi, kepuasan atlit bagi mencapai kecemerlangan dalam kejohanan yang disertainya. Banyak kajian telah dilakukan sebelum ini mengenai tingkah laku kejurulatihan dan instrumen yang kerap digunakan lebih kepada LSS.

Walau bagaimanapun, penyelidik yang telah mengenal pasti bahawa instrumen LSS mampu menerangkan sebahagian berkaitan tingkah laku jurulatih. Bagi mengelak daripada berlaku kekurangan di dalam kajian ini, instrumen CBS-S yang di reka oleh (Côté et al, 1996) digunakan untuk menilai tingkah laku jurulatih dari perspektif atlit. Penggunaan instrumen CBS-S ini adalah kerana ianya mengukur dimensi penting kejurulatihan yang tidak diambil kira oleh LSS dan juga satu instrumen lain iaitu Coaching Behavior Assessment System (CBAS) termasuk persiapan mental, penetapan matlamat dan hubungan peribadi. Selain daripada itu, LSS menerokai dimensi dalam membuat keputusan oleh jurulatih melalui tingkah laku autokratik dan demokratik. Aspek ini tidak diukur oleh CBS-S dan CBAS. Beberapa kajian telah melaporkan bahawa sub-skala berkaitan tingkah laku kejurulatihan yang autokratik dalam LSS ini mempunyai tahap ketekalan dalaman yang rendah (Gordon, 1988; Spink, 1995). LSS kebanyakannya telah ditadbir kepada orang dewasa, manakala CBAS pula telah direka untuk menilai tingkah laku jurulatih yang melatih belia.

Objektif di sebalik pembangunan CBS-S adalah untuk menyediakan instrumen pengukuran yang tepat mewakili tingkah laku jurulatih dalam pelbagai sukan dan di pelbagai peringkat. LSS dan CBAS telah dibangunkan dari teori kepimpinan, manakala CBS-S dibangunkan secara mendalam melalui pengalaman jurulatih dan atlit. CBS-S juga menyediakan maklumat kepada jurulatih, penyelidik dan pentadbir sukan dari segi aspek kejurulatihan sebagai komponen penting untuk berjaya.

Tujuan kajian

Melalui kajian ini, penyelidik dapat menentukan adakah terdapat hubungan tingkah laku jurulatih dengan kepuasan dan motivasi atlit sukan. Kajian ini khususnya menilai tingkah laku jurulatih sukan dengan menggunakan tujuh skala tingkah laku kejurulatihan yang terdapat di dalam instrumen CBS-S, skala motivasi dan kepuasan atlit. Kepuasan atlit dalam sukan yang diceburinya sama ada individu atau sukan berpasukan bukan sahaja disebabkan oleh faktor-faktor intrinsik atlit, tetapi ia juga dipengaruhi oleh faktor-faktor ekstrinsik seperti tingkah laku jurulatih, kepuasan dan motivasi atlit yang berkesan.

Objektif kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mengenal pasti tingkah laku jurulatih sukan dengan motivasi sukan dapat memberikan kesan ke atas kepuasan atlit sekolah sukan. Objektif umum kajian ini memfokuskan kepada mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan, hubungan dan pengaruh sama ada secara langsung atau tidak langsung pemboleh ubah tingkah laku kejurulatihan, motivasi atlit, kepuasan atlit. Objektif ini diperincikan kepada tujuh objektif seperti berikut:

- i. Mengetahui, sama ada terdapat perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan jantina.
- ii. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan kategori sukan.
- iii. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan antara tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan tahap penglibatan.
- iv. Melihat hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlit sekolah sukan.
- v. Melihat hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan motivasi atlit sekolah sukan.

Metodologi

Kajian ini merupakan satu penyelidikan berbentuk deskriptif, perbandingan dan hubungan sebagai kajian bagi melihat hubungan antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif tinjauan secara kuantitatif dan bukan eksperimen yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Instrumen yang digunakan untuk kajian ini adalah soal selidik. Ia mengandungi satu set soal selidik. Soalan selidik ini mengandungi 4 bahagian. Bahagian A terdiri dari bahagian biodata subjek seperti umur, jantina, jenis sukan, kategori sukan manakala bahagian B menggunakan soal selidik “Skala Tingkah Laku Kejurulatihan” dalam sukan (CBS-S) dengan tambahan tiga item berkaitan ketua jurulatih, penolong jurulatih dan tahap kepuasan atlit. Bahagian C merupakan soalselidik Skala Motivasi Sukan sebanyak 28 Item. Sementara itu, bagi Bahagian D menggunakan soal selidik, “Soal Selidik Kepuasan Atlit” (ASQ) yang telah dibangunkan oleh Riemer dan Chelladurai (1998). Analisis data yang dijalankan melibatkan Ujian T, Anova Sehalu dan Kolerasi Pearson

Keputusan

Demografi responden atlit

Berdasarkan jadual 1, seramai 127 orang atlit telah terlibat dengan kajian ini. Ringkasan maklumat latar belakang responden ditunjukkan dalam jadual di bawah. Hasil daripada soal selidik seramai 66 (51.9%) responden adalah lelaki dan 61 (48.1%) perempuan. Manakala mengikut kategori sukan pula telah melibatkan sukan individu seramai atlit 55 (43.4%) dan sukan berpasukan 72 atlit (56.6%).

Jadual 1: Bilangan Atlit Berdasarkan Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	66	51.9
Perempuan	61	48.1
Jumlah	127	100.0

Dari segi umur responden dalam kajian ini pula, dengan merujuk kepada Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bilangan atlit yang berumur 16 tahun hingga 18 tahun merupakan atlit yang paling ramai dalam kajian ini dengan jumlah sebanyak 66 orang (51.9%) manakala atlit yang berumur 13 tahun hingga 15 tahun seramai 61 orang (48.1). Perbezaan adalah sebanyak 5 orang (3.93%).

Jadual 2: Bilangan Atlit Berdasarkan Umur

Umur	Bilangan	Peratus
13 tahun hingga 15 tahun	61	48.1
16 tahun hingga 18 tahun	66	51.9
Jumlah	127	100.0

Dari segi acara responden dalam kajian ini, dengan merujuk kepada Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bilangan acara sukan yang diceburi oleh atlit iaitu hoki(P) yang paling ramai 30 orang (23.7%), olahraga seramai 24 orang (18.9%) dan diikuti oleh bola sepak (L) seramai 20 orang (15.7%), bola sepak (P) seramai 18 orang (14.2%), bola jaring 16 orang (12.6%) dan renang seramai 13 orang (10.2%), serta terjun seramai 6 orang (4.7%).

Jadual 3: Bilangan Acara Sukan Yang Di Ceburi Atlit

Acara Sukan Yang Diceburi Atlit	Bilangan	Peratus
Bola sepak (L)	20	15.7
Bola Sepak (P)	18	14.2
Hoki(P)	30	23.7
Renang	13	10.2
Olahraga	24	18.9
Bola Jaring	16	12.6
Terjun	6	4.7
Jumlah	127	100.0

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan atlit yang mengambil bahagian dalam kategori sukan individu 43 orang (33.9%) kurang sedikit berbanding atlit yang mengambil bahagian dalam kategori sukan berpasukan 84 orang (66.1%). Perbezaan adalah sebanyak 41 orang (51.1%).

Jadual 4: Bilangan Atlit Berdasarkan Kategori Sukan Individu Dan Sukan Berpasukan

Kategori sukan	Bilangan	Peratus
Individu	43	33.9
Berpasukan	84	66.1
Jumlah	127	100.0

Berdasarkan Jadual 5, seramai 46 orang atlit (36.2%) menyatakan penglibatan mereka dalam sukan adalah selama tujuh hingga sembilan tahun. Sementara itu, hanya seramai 39 orang atlit (30.8 %)melibatkan diri selama sepuluh tahun dan ke atas. Manakala hanya 30 orang atlit (23.6%) telah melibatkan diri selama empat hingga enam tahun. Manakala penglibatan yang paling pendek hanya seramai 12 orang atlit (9.4%) selama setahun hingga tiga tahun sahaja.

Jadual 5: Bilangan Tempoh Penglibatan Sebagai Atlit

Tempoh Penglibatan Sebagai Atlit	Bilangan	Peratus
1 tahun hingga 3 tahun	12	9.4
4 tahun hingga 6 tahun	30	23.6
7 tahun hingga 9 tahun	46	36.2
10 tahun dan >	39	30.8
Jumlah	127	100.0

Berdasarkan Jadual 6, hasil daripada dapatan juga dari segi jantina jurulatih yang dikaji, didapati 93 atlit (73.2 %) dilatih oleh jurulatih lelaki manakala hanya 34 atlit (26.7%) sahaja dilatih oleh jurulatih perempuan.

Jadual 6: Bilangan Atlit Berdasarkan Jantina Jurulatih

Jantina Jurulatih	Bilangan	Peratus
Lelaki	93	73.2
Perempuan	34	26.7
Jumlah	127	100.0

Sementara itu, dengan merujuk kepada Jadual 7, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan atlit adalah wakil negeri (terbuka), iaitu seramai 86 orang (67.7%), diikuti atlit yang mewakili negeri di peringkat MSSS (Majlis Sekolah-Sekolah Sukan Sabah) seramai 23 orang (18.1%). Manakala atlit yang mewakili di peringkat MSSM (Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia) seramai 18 atlit (14.2%) adalah yang paling rendah tahap penglibatan dalam sukan dan lebih daripada 80% atlit yang dikaji adalah mewakili Negeri.

Jadual 7: Bilangan Atlit Berdasarkan Tahap Tertinggi Penglibatan Dalam Sukan

Tahap Tertinggi Penglibatan Dalam Sukan	Bilangan	Peratus
MSSS	23	18.1
MSSM	18	14.2
Negeri (Terbuka)	86	67.7
Jumlah	127	100.0

Perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan jantina.

Berdasarkan Jadual 8, Ujian-t tidak bersandar telah digunakan untuk melihat perbezaan antara tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan jantina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min latihan fizikal dan perancangan, kemahiran teknikal, persediaan mental, penetapan matlamat dan min strategi pertandingan, serta keseluruhan tingkah laku jurulatih berdasarkan jantina.

Jadual 8: Perbezaan Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlit Berdasarkan Jantina

Tingkah Laku Jurulatih	Jantina	N	Min	SD	t	df	p
Latihan Fizikal	Lelaki	66	4.166	.812	.447	125	.815
Dan Perancangan	Perempuan	61	4.102	.732			
Kemahiran	Lelaki	66	4.154	.650	-1.941	125	.512
Teknikal	Perempuan	61	4.122	.923			
Persediaan Mental	Lelaki	66	3.985	.878	-1.872	125	.780
	Perempuan	61	3.953	.987			
Penetapan	Lelaki	66	4.102	.713	-.812	125	.798
Matlamat	Perempuan	61	4.059	.818			
Strategi	Lelaki	66	4.211	.633	-.734	125	.816
Pertandingan	Perempuan	61	4.156	.788			
Keseluruhan	Lelaki	66	4.233	.811	-.911	125	.713
Tingkah Laku	Perempuan	61	4.324	.897			
Jurulatih							

n=127

*Aras Signifikan: $p < 0.05$ (2 hujung)

Perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan kategori sukan.

Berdasarkan Jadual 9, Ujian-t tidak bersandar telah digunakan untuk melihat perbezaan tahap tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan kategori sukan individu dan sukan

berpasukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min persediaan mental, penetapan matlamat, dan strategi pertandingan.

Jadual 9: Perbezaan Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlit Berdasarkan Kategori Sukan

Tingkah Laku Jurulatih	Kategori Sukan	N	M	SD	t	df	p
Latihan Fizikal Dan Perancangan	Individu	43	4.221	.630	3.265	125	.049*
	Berpasukan	84	3.976	.989			
Kemahiran Teknikal	Individu	43	3.646	.636	3.786	125	.045*
	Berpasukan	84	3.434	.689			
Persediaan Mental	Individu	43	3.192	.576	2.960	125	.655
	Berpasukan	84	2.912	.649			
Penetapan Matlamat	Individu	43	3.511	.642	2.980	125	.568
	Berpasukan	84	3.337	.808			
Strategi Pertandingan	Individu	43	3.721	.748	2.987	125	.470
	Berpasukan	84	3.540	.943			
Keseluruhan Tingkah Laku Jurulatih	Individu	43	3.654	.470	3.345	125	.036*
	Berpasukan	84	3.420	.635			

n=127

*Aras Signifikan: $p < 0.05$ (2 hujung)

Walau bagaimana pun, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi min latihan fizikal dan perancangan ($t=3.265, df=125; p < .05$), min kemahiran teknikal ($t=3.786, df=125; p < 0.05$), dan min keseluruhan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit ($t=3.345, df=125; p < 0.05$) berdasarkan kategori sukan individu dan sukan berpasukan.

Perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan tahap penglibatan atlit.

Berdasarkan Jadual 10, ujian ANOVA (Analysis of varians) sehala dan Post Hoc Turkey HSD digunakan untuk melihat perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan tahap penglibatan atlit. Tahap penglibatan atlit dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu atlit yang mewakili negeri peringkat MSSS, atlit mewakili MSSM dan atlit yang mewakili peringkat negeri (Terbuka). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan tahap penglibatan atlit.

Jadual 10: Perbezaan Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlit Berdasarkan Tahap Penglibatan Atlit

Tingkah Laku Jurulatih	Tahap penglibatan Atlit	SS	df	MS	F	p
Latihan fizikal dan perancangan	Antara kumpulan	.788	2	.380	2.978	.663
	Dalam Kumpulan	135.8	125	.685		
	Jumlah	123.8	127			
Kemahiran teknikal	Antara kumpulan	.899	2	.453	3.983	.467
	Dalam Kumpulan	91.09	125	.471		
	Jumlah	92.98	127			
Persediaan mental	Antara kumpulan	.711	2	.405	4.832	.550
	Dalam Kumpulan	75.43	125	.381		
	Jumlah	73.2	127			
Penetapan matlamat	Antara kumpulan	4.64	2	2.325	4.386	.047*
	Dalam Kumpulan	101.9	125	.567		
	Jumlah	111.3	127			
Strategi pertandingan	Antara kumpulan	3.87	2	1.928	6.767	.709
	Dalam Kumpulan	141.8	125	.733		
	Jumlah	150.6	127			

Keseluruhan	Antara kumpulan	1.49	2	.757		
Tingkah Laku	Dalam Kumpulan	65.8	125	.343	2.245	.627
Jurulatih	Jumlah	69.7	127			

n=127

*Aras Signifikan : $p < 0.05$ (2 hujung)

Hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlit sekolah sukan.

Sementara itu, berdasarkan jadual 11, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tingkah laku jurulatih bagi latihan fizikal dan perancangan dengan kepuasan atlit ($r = .863$, $p = 0.028$) dan kekuatan korelasi bagi latihan fizikal dan perancangan dengan kepuasan atlit adalah kuat. Sementara itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kemahiran teknikal dengan kepuasan atlit ($r = .910$, $p = 0.000$) dan kekuatan korelasi bagi kemahiran teknikal dengan kepuasan atlit adalah sangat kuat.

Jadual 11: Korelasi Pearson Antara Tingkah Laku Jurulatih Dengan Kepuasan Atlit Sekolah Sukan

Tingkah Laku Jurulatih Dimensi	N	Kepuasan Atlit	
		Pekali korelasi (rs)	Paras Signifikan (p)
Latihan fizikal dan perancangan	127	.863(**)	0.028
Kemahiran teknikal	127	.910(**)	0.000
Persediaan mental	127	.674(**)	0.008
Penetapan matlamat	127	.793(**)	0.020
Strategi pertandingan	127	.922(**)	0.000
Keseluruhan Tingkah Laku Jurulatih	127	.871(**)	0.028

n=127

**Aras Signifikan: $p < 0.01$ (2-hujung).

Selain daripada itu, dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara persediaan mental dengan kepuasan atlit ($r = .674$, $p = 0.008$) dan kekuatan korelasi bagi kemahiran ini dengan kepuasan atlit adalah sederhana. Manakala bagi penetapan matlamat, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan dengan kepuasan atlit ($r = .793$, $p = 0.020$) dan kekuatan korelasi adalah kuat.

Di samping itu, kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara strategi pertandingan dengan kepuasan atlit ($r = .922$, $p = 0.000$) dan kekuatan korelasi adalah sangat kuat. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara keseluruhan tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlit ($r = .871$, $p = 0.028$) dan kekuatan korelasi adalah kuat.

Hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan motivasi atlit sekolah sukan

Berdasarkan Jadual 12, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tingkah laku jurulatih bagi latihan fizikal dan perancangan dengan motivasi atlit ($r = .898$, $p < .05$) dan kekuatan korelasi bagi latihan fizikal dan perancangan dengan motivasi atlit adalah kuat. Sementara itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat

hubungan yang positif dan signifikan antara kemahiran teknikal dengan motivasi atlit ($r=.913$, $p<.05$) dan kekuatan korelasi bagi kemahiran teknikal dengan motivasi atlit adalah sangat kuat.

Jadual 12: Korelasi Pearson Antara Tingkah Laku Jurulatih Dengan Motivasi Atlit Sekolah Sukan

Tingkah Laku Jurulatih Dimensi	N	Motivasi Atlit	
		Pekali korelasi (rs)	Paras Signifikan (p)
Latihan fizikal dan perancangan	127	.898(**)	0.028
Kemahiran teknikal	127	.913(**)	0.000
Persediaan mental	127	.707(**)	0.008
Penetapan matlamat	127	.875(**)	0.020
Strategi pertandingan	127	.919(**)	0.000
Keseluruhan Tingkah Laku Jurulatih	127	.877(**)	0.028

**Aras Signifikan : $p<0.01$ (2-hujung).

Selain daripada itu, dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara persediaan mental dengan motivasi atlit ($r=.707$, $p<.05$) dan kekuatan korelasi bagi kemahiran ini dengan motivasi atlit adalah sederhana. Manakala bagi penetapan matlamat, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan dengan motivasi atlit ($r=.875$, $p<.05$) dan kekuatan korelasi adalah kuat.

Di samping itu, kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara strategi pertandingan dengan motivasi atlit ($r=.919$, $p<.05$) dan kekuatan korelasi adalah sangat kuat. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara keseluruhan tingkah laku jurulatih dengan motivasi atlit ($r=.877$, $p<.05$) dan kekuatan korelasi adalah kuat.

Perbincangan

Tingkah laku jurulatih berdasarkan jantina, kategori sukan dan tahap penglibatan.

Atlit dalam kajian ini adalah berumur antara tiga belas tahun hingga lapan belas tahun, iaitu atlit di sekolah menengah, manakala atlit yang dikaji oleh penyelidik terdahulu adalah atlit yang menuntut ilmu di Sekolah Sukan Malaysia; maka sudah pasti, tahap kematangan mereka berbeza dan kegemaran mereka terhadap tingkah laku jurulatih juga berbeza. Kenyataan ini disokong melalui Teori Trait oleh Allport (1961), yang menyatakan bahawa setiap individu adalah dinamik kerana personaliti mereka berkembang dan berubah dari masa ke semasa.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Lim Khong Chiu, et al (2016) yang menyatakan bahawa atlit lelaki menggemari jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih bagi latihan dan fizikal dan perancangan, manakala atlit perempuan pula gemar kepada kemahiran teknikal. Begitu juga dapatan kajian Collins (2002), yang menyatakan bahawa kedua-dua atlit lelaki dan perempuan gemar kepada jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih dalam persediaan mental.

Berdasarkan penyelidikan ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan bagi tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit berdasarkan status penglibatan atlit secara keseluruhannya. Status penglibatan atlit dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu atlit mewakili peringkat MSSS (Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Sabah), MSSM (Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia), atlit yang mewakili negeri peringkat negeri dalam pertandingan terbuka.

Walau bagaimanapun, tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit bagi penetapan matlamat adalah berbeza berdasarkan status penglibatan atlit. Status yang berbeza adalah antara atlit yang mewakili negeri MSSM dengan atlit yang mewakili pertandingan terbuka. Atlit yang mewakili negeri MSSM lebih gemar jika jurulatih mengamalkan penetapan matlamat, berbanding atlit yang mewakili negara. Atlit MSSM boleh dianggap sebagai atlit yang masih baru berkecimpung dalam sukan, sementara atlit yang mewakili negeri dalam acara terbuka adalah atlit yang telah lama bergiat dalam sukan. Pengkaji mendapati umur dan pengalaman responden dalam kajian ini mungkin menyumbang kepada persamaan dengan dapatan kajian Nazarudin, et al. (2009).

Dapatan ini adalah berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Serpa (1990) yang menyatakan bahawa atlit yang baru (junior) dan atlit (senior) menggemari tingkah laku jurulatih yang mengamalkan penetapan matlamat semasa latihan. Begitu juga dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Liukkonen & Salminen (1990) yang menyatakan bahawa atlit remaja Finland yang berkemampuan tinggi lebih gemar kepada jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih persediaan mental; dan atlit dari kumpulan ini tidak berminat kepada jurulatih yang mengamalkan tingkah laku kemahiran, penetapan matlamat, dan strategi pertandingan.

Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Vilani & Samulski (2009), yang menyatakan bahawa atlit senior (16 hingga 18 tahun) menggemari jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih bagi latihan fizikal dan perancangan, sementara atlit junior sepuluh hingga lima belas tahun) pula menggemari jurulatih yang mengamalkan tingkah laku bagi strategi pertandingan dan latihan fizikal dan perancangan. Dapatan kajian ini setara dengan Shahrudin Abd Aziz (2005), menyatakan bahawa atlit baharu gemar kepada jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih bagi strategi pertandingan dan latihan fizikal dan perancangan. Sementara atlit senior cenderung kepada jurulatih yang mengamalkan kemahiran teknikal dan penetapan matlamat.

Berdasarkan dapatan Chelladurai (1990), atlit yang senior telah lama berkecimpung dalam arena sukan dan telah mempunyai hubungan interpersonal yang agak lama dengan para jurulatih. Selain daripada itu, persekitaran yang ditempuhi atlit senior adalah telah menjadi kebiasaan kepada mereka, manakala atlit junior pula memerlukan jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih strategi pertandingan, kerana jurulatih perlu mengukuhkan sikap dan sifat atlit terhadap program latihan yang direncanakan Abd.Aziz (2005). Perbezaan ini bersesuaian dengan “Teori Kepimpinan Situasi” oleh Hersey & Blanchard (1982), terutamanya yang berkaitan dengan tahap kematangan atlit yang sentiasa berubah. Teori ini juga bersesuaian dan diteguhkan lagi oleh “Teori Trait” oleh Allport (1961), yang menyatakan bahawa pengaruh persekitaran dapat juga membentuk tingkah laku individu, terutama atlit yang mewakili negeri, yang selalu bertanding di peringkat yang lebih tinggi dan mencabar.

Seterusnya, dalam penyelidikan ini terdapat lima tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit, iaitu (1) latihan fizikal dan perancangan, (2) kemahiran teknikal, (3) persediaan mental, (4)

penetapan matlamat dan (5) strategi pertandingan. Sementara kepuasan atlit pula terbahagi kepada tujuh aspek iaitu;(1) aspek pencapaian individu, (2) aspek pencapaian pasukan, (3) aspek strategi, (4) aspek latihan dan arahan, (5) aspek perpaduan pasukan, (6) aspek dedikasi individu, dan (7) aspek rawatan.

Dapatan kajian Reimer & Toon (2001) juga berbeza dengan menyatakan bahawa atlit wanita lebih menggemari tingkah laku jurulatih dalam penetapan matlamat, sementara atlit lelaki lebih cenderung kepada tingkah laku jurulatih dalam persediaan mental. Walaupun begitu, dapatan kajian ini seiring dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Asiah Mohd Pilus & Rosli Saadan (2005 dan 2009), yang menyatakan bahawa kedua-dua jantina, iaitu lelaki dan perempuan, gemar kepada jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih dengan latihan fizikal dan perancangan.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan bagi latihan fizikal dan perancangan, kemahiran teknikal, dan keseluruhan tingkah laku kejurulatihan dalam kalangan atlit berdasarkan kategori sukan individu dan sukan berpasukan Sekolah Sukan Malaysia di Sabah. Dapatan kajian ini didapati berbeza berdasarkan latihan fizikal dan perancangan bagi atlit sukan individu adalah lebih tinggi berbanding sukan berpasukan. Manakala bagi kemahiran teknikal bagi atlit sukan individu adalah lebih tinggi berbanding bagi atlit sukan berpasukan. Begitu juga dengan keseluruhan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit bagi sukan individu adalah lebih tinggi berbanding sukan berpasukan.

Dapatan kajian ini turut bertentangan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Chelladurai (1984) dan Chelladurai & Ogasawara (2003), yang mendapati bahawa atlit acara berpasukan lebih gemar kepada tingkah laku kejurulatihan bagi latihan fizikal dan perancangan, berbanding atlit yang berkecimpung dalam acara sukan yang bersifat acara individu. Begitu juga dengan tingkah laku jurulatih bagi kemahiran teknikal yang digemari oleh atlit yang tidak bergantung kepada jurulatih.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Asiah Mohd Pilus & Rosli Saadan (2009), yang mendapati bahawa pemain sepak takraw (acara berpasukan) menggemari tingkah laku jurulatih bagi latihan fizikal dan perancangan. Dapatan kajian ini juga berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Sullivan & Kent (2003), yang menyatakan bahawa atlit sukan berpasukan menggemari latihan fizikal dan perancangan, sementara atlit sukan individu menggemari kemahiran teknikal.

Dapatan kajian oleh Chelladurai & Salleh (1980) dan Riemer & Chelladurai (1995) juga bertentangan dengan dapatan kajian ini, iaitu atlit sukan berpasukan lebih menggemari latihan fizikal dan perancangan berbanding atlit sukan individu. Dapatan kajian ini juga berbeza dengan dapatan kajian Shaharudin (2005), yang menyatakan bahawa atlit kedua-dua acara sukan menggemari strategi pertandingan, diikuti oleh latihan fizikal dan perancangan, serta kemahiran teknikal.

Tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan kepuasan atlit

Dapatan kajian ini juga seiring dengan dapatan kajian Shaharudin Abd Aziz (2005), yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlit. Dapatan kajian beliau juga selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Chelladurai (1984), yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlit, dengan menekankan pula bahawa latihan fizikal dan perancangan dan kemahiran

teknikal serta strategik pertandingan tingkah laku mempunyai hubungan dengan kepuasan atlit dalam tiga kumpulan yang dikaji, iaitu sukan bola sepak(L), olahraga dan hoki (P) di Sekolah Sukan Malaysia.

Selain itu, dapatan kajian ini juga bersamaan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh, Horne & Carron (1985), yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlit, dan mereka juga menyatakan strategi pertandingan merupakan aspek yang banyak mempengaruhi kepuasan atlit berbanding persediaan mental. Dapatan ini juga disokong oleh Ziad Al Tahayneh (2003) yang mendapati terdapat hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlit terutamanya strategik pertandingan dan latihan fizikal. Cakioglu (2003) juga menyatakan kurangnya fokus jurulatih kepada tingkah laku jurulatih mereka menyebabkan tahap pencapaian dan kepuasan atlit menurun. Dapatan ini dikukuhkan lagi oleh Frontiera (2006) yang menyatakan dengan mengetahui aspek tingkah laku jurulatih yang disukai oleh atlit membantu jurulatih merancang dan mengurus program latihan dengan lebih yakin, bermotivasi dan pada masa yang sama atlit merasa seronok semasa program latihan dilaksanakan. Kesan daripada tindakan secara tidak langsung dapat meningkatkan kepuasan atlit khususnya di Sekolah Sukan Malaysia.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tingkah laku jurulatih bagi dimensi latihan dan arahan merupakan pemboleh ubah utama bagi aspek pencapaian individu, aspek strategi, aspek latihan dan arahan. Sementara itu bagi aspek dedikasi individu kepuasan, terdapat dua pemboleh ubah peramal tingkah laku jurulatih iaitu persediaan mental dan strategi pertandingan di Sekolah Sukan Malaysia. Seterusnya bagi aspek rawatan kepuasan atlit, pemboleh ubah peramal yang utama tingkah laku jurulatih ialah latihan fizikal dan perancangan dan kemahiran teknikal. Namun demikian, dapatan kajian ini berbeza dengan Schiliesman (1987), yang mendapati bahawa aspek rawatan merupakan peramal utama bagi tingkah laku jurulatih terhadap kepuasan atlit. Kepuasan atlit mempunyai kaitan dengan tingkah laku jurulatih yang dikaji oleh penyelidik. Jurulatih yang efektif, sepatutnya boleh meningkatkan motivasi, prestasi serta memberi kepuasan kepada atlit sepanjang masa latihan dan pertandingan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara lima tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan kepuasan atlit. Dapatan kajian ini berlawanan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Reimer & Toon (2001) yang mendapati terdapat perbezaan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlit. Perbezaan tersebut adalah bagi latihan fizikal dan perancangan dengan latihan dan arahan, strategi pertandingan dengan pencapaian pasukan, dan kemahiran teknikal dengan pencapaian individu. Selain daripada itu mengenai kepuasan atlit yang dibahagikan kepada tujuh aspek, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan aspek kepuasan atlit. Perbezaan yang pertama dapat dilihat dalam aspek latihan fizikal dan perancangan dengan persediaan mental. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara aspek latihan fizikal dan perancangan dengan persediaan mental. Perbezaan yang kedua ialah strategi pertandingan dan persediaan mental.

Di samping itu terdapat perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan kepuasan atlit bagi aspek pencapaian individu. Perbezaan ini dapat dilihat dalam aspek latihan fizikal dan perancangan dengan persediaan mental, dengan dimensi latihan dan arahan adalah lebih tinggi berbanding persediaan mental. Sementara itu, terdapat perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan kepuasan atlit bagi aspek strategi. Perbezaan ini dapat dilihat dalam aspek latihan fizikal dan perancangan dengan persediaan mental, dengan aspek latihan fizikal dan perancangan adalah lebih tinggi berbanding persediaan mental di Sekolah Sukan Malaysia.

Melalui pendekatan Teori Laluan Matlamat pula menegaskan bahawa dorongan seseorang individu bergantung pada jangkaan terhadap ganjaran yang diterima dan diberikan. Jurulatih sebagai punca individu menerima ganjaran terhadap atlit mereka. Teori ini meramalkan bagaimana jenis ganjaran dan tingkah laku jurulatih yang berbeza mampu memberi dorongan, kepuasan dan prestasi seseorang atlit mampu mencapai kejayaan yang lebih tinggi (Hersey dan Blanchard, 1982).

Sementara itu, perbezaan yang seterusnya adalah antara aspek latihan fizikal dan perancangan dengan aspek penetapan matlamat, yang mana dapatan kajian mendapati bahawa aspek latihan fizikal dan perancangan adalah lebih tinggi berbanding penetapan matlamat. Di samping itu, perbezaan seterusnya adalah antara aspek strategi pertandingan dengan aspek kemahiran teknikal, yang mana dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek strategi pertandingan lebih tinggi berbanding aspek persediaan mental. Selain ini Model Kepimpinan tingkah laku juga menunjukkan ada perbezaan pemboleh ubah jurulatih secara individu merangkumi faktor seperti matlamat, tujuan, persepsi diri dan atlit serta gender. Perbezaan pemboleh ubah pemain secara individu melibatkan perkara seperti umur, jantina dan persepsi terhadap jurulatih dan motivasi serta kebimbangan dan keyakinan diri (Smoll dan Smith, 1989).

Berdasarkan objektif kajian dalam penyelidikan ini, dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan kepuasan atlit. Dapatan kajian juga mendapati kelima-lima tingkah laku jurulatih iaitu latihan fizikal dan perancangan, kemahiran teknikal, persediaan mental, penetapan matlamat dan strategi pertandingan mempunyai hubungan positif dengan kepuasan atlit. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Asiah Mohd Pilus & Rosli Saadan (2005), yang mendapati terdapatnya hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlit.

Tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan motivasi atlit

Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Liukkonen & Salminen (1990), yang menyatakan bahawa atlit acara berpasukan sangat menggemari jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih bagi kemahiran teknikal. Oleh yang demikian, dapatan dinyatakan bahawa tingkah laku jurulatih yang digemari oleh atlit adalah berbeza berdasarkan tahap kematangan mereka, seperti yang dinyatakan oleh Hersey & Blanchard (1982), yang menyatakan bahawa motivasi adalah satu-satunya pemboleh ubah situasi.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara lima tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan motivasi atlit. Dapatan kajian ini berlawanan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Reimer & Toon (2001), yang mendapati terdapat perbezaan antara tingkah laku jurulatih dengan motivasi atlit. Perbezaan tersebut adalah bagi latihan fizikal dan perancangan dengan latihan dan arahan, strategi pertandingan dengan pencapaian pasukan, dan kemahiran teknikal dengan pencapaian individu Sekolah Sukan Malaysia. Selain daripada itu, mengenai motivasi atlit yang dibahagikan kepada dua jenis iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan motivasi atlit (Alfermann, et al, 2005). Perbezaan yang dapat dilihat dalam latihan fizikal dan perancangan dengan persediaan mental. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara latihan fizikal dan perancangan dengan persediaan mental. Perbezaan yang kedua ialah strategi pertandingan dan kemahiran teknikal.

Di samping itu, terdapat perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan motivasi atlit. Perbezaan ini dapat dilihat dalam latihan fizikal dan perancangan dengan persediaan mental dengan latihan fizikal dan perancangan adalah lebih tinggi berbanding persediaan mental. Sementara itu, terdapat perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan motivasi atlit bagi strategi pertandingan. Perbezaan yang seterusnya adalah antara latihan fizikal dan perancangan dengan persediaan mental, yang mana dapatan kajian mendapati bahawa latihan fizikal dan perancangan adalah lebih tinggi berbanding penetapan matlamat. Di samping itu, perbezaan seterusnya adalah antara penetapan matlamat dengan persediaan mental, yang mana dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi pertandingan lebih tinggi berbanding persediaan mental.

Berdasarkan objektif kajian dalam penyelidikan ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlit dengan motivasi atlit. Dapatan kajian juga mendapati kelima-lima tingkah laku jurulatih iaitu latihan fizikal dan perancangan, kemahiran teknikal, persediaan mental, penetapan matlamat dan strategi pertandingan mempunyai hubungan positif dengan motivasi atlit. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Asiah Mohd Pilus & Rosli Saadan (2005), yang mendapati terdapatnya hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan motivasi atlit.

Dapatan ini juga bersamaan dengan saranan Smoll & Smith(1989), melalui “Model Tingkah Laku Kepimpinan”, yang menyatakan bahawa wujud hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan motivasi atlit apabila jurulatih melakukan tugas mereka seperti yang dirancang dan atlit pula dapat memahami perkara yang dilakukan oleh jurulatih mereka, serta bertindak balas terhadap berdasarkan situasi semasa program latihan dilaksanakan, sama ada ketika fasa persediaan, fasa pertandingan, mahupun fasa transisi. Selain daripada itu, hubungan yang wujud juga disebabkan jurulatih harus memainkan peranan mereka kerana atlit terdiri dari berbagai-bagai personaliti, seperti jantina dan tahap penglibatan dalam sukan. Bagi atlit yang mewakili MSSM (Majlis sukan sekolah-sekolah Malaysia) sudah tentu berbeza tingkah laku jurulatih berbanding dengan atlit yang mewakili Acara Sukan Terbuka dan negara.

Sementara itu, menurut Cakioglu (2003) juga menyatakan kurangnya fokus jurulatih kepada tingkah laku jurulatih mereka menyebabkan tahap pencapaian dan motivasi atlit menurun. Dapatan ini dikukuhkan lagi oleh Frontiera (2006) yang menyatakan dengan mengetahui dimensi tingkah laku jurulatih yang disukai oleh atlit membantu jurulatih merancang dan mengurus program latihan dengan lebih yakin, bermotivasi dan pada masa yang sama atlit merasa seronok semasa program latihan dilaksanakan. Kesan daripada tindakan jurulatih secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi atlit di Sekolah Sukan Malaysia. Selain itu, sikap tingkah laku jurulatih itu berdasarkan Teori Laluan Matlamat akan membawa atlit baru kerana kemahiran mereka adalah atlit yang rendah pencapaian tetapi komitmen tinggi terhadap pasukan. Jurulatih boleh mewujudkan persekitaran latihan lebih mesra, berikan perhatian lebih kepada keperluan dan berseronok bersama atlitnya.

Maka, tingkah laku jurulatih ini sesuai dengan atlit yang lama kerana kemahiran tinggi dan komitmen tidak berbelah bagi dan pencapaian akan meningkatkan prestasi sukan, menetapkan piawai kerja yang tinggi bagi semua jurulatih, menunjukkan keyakinan tinggi bahawa atlit mampu mencapai tahap yang lebih baik, komitmen kepada atlit dalam proses membuat keputusan. Cara tingkah laku jurulatih ini sesuai untuk atlit yang kemahiran dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap sukan. Selain itu, kejayaan seseorang atlit di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa dipengaruhi oleh pelbagai faktor (Shaharudin Ad.Aziz,

2005). Faktor adalah intrinsik atlit, bantuan moral dari pihak keluarga, prestasi kemahiran yang semakin baik dan gaya kepimpinan jurulatih. Faktor ekstrinsik menyebabkan atlit cemerlang seperti tingkah laku jurulatih yang diamalkan oleh seseorang, faktor pengiktirafan dan penghargaan seperti wang, pingat kecemerlangan dan gelaran yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu.

Kesimpulan

Jurulatih memainkan peranan penting dalam membimbing seseorang atlit itu berjaya atau gagal. Sering kali jurulatih memberi pengaruh terhadap atlit secara individu mahupun sesebuah pasukan. Ianya dapat dibangunkan oleh jurulatih melalui kehadiran mereka semasa latihan, tindakan dan pertuturan seseorang jurulatih tersebut. Tidak kira sejauh mana pencapaian seseorang atlit tersebut telah ceburi, jurulatih akan memberi kesan mendalam kepada kehidupan atlit. Maka pembangunan bakat atlit adalah bergantung kepada kualiti kejurulatihan. Kualiti kejurulatihan pula sering ditentukan oleh bagaimana seseorang jurulatih itu berkelakuan semasa melaksanakan aspek latihan fizikal, teknikal, taktikal dan psiko-sosial. Tingkah laku jurulatih semasa latihan, semasa pertandingan dan ketika tidak berlatih mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pemain mereka dan mungkin akan memberi kesan kepada prestasi pemain serta penyertaan pemain dalam sesuatu pertandingan.

Rujukan

- Alfermann, D.L., Martin, J., & Wurth, S. (2005). Perceived Leadership Behavior and Motivational Climate as Antecedents of Adolescent Athletes Skill Development. *Athletic Insight*. The Online J. Sport, 7 (2).
- Allport, G.W. (1961). *Pattern And Growth In Personality*. New York: Holt, Rinehart Winston Publisher.
- Asiah, M.P., & Rosli, S. (2005). *Coaching leadership style and athlete satisfaction in sport team*. Proceeding 1st Asia Pacific Sports Science Conference 2005., Kota Kinabalu, Sabah. 501-535.
- Asiah, M.P., & Rosli, S. (2009). Coaching Leadership Styles And Athlete Satisfaction Among Hockey Team. *Journal of Human Capital Development*, 2(1), 77-88.
- Abernathy, A.M., Cote, J., & Baker, D. (2000). *Learning to be an expert: Factors underpinning the development of exceptional decision-making skills in athletes*. 2000 Pre-Olympic Congress, Brisbane, Australia.
- Anuar Din & Dolorine Miting. (2013). Pengaruh gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet di sekolah sukan Malaysia, *Jurnal kajian pendidikan*, 2, 3.
- Côté, J. (1999). The Influence Of The Family In The Development Of Talent In Sport. *The Sport Psychologist*, 13, 395-417.
- Cakioğlu, A. (2003). *Leadership and Satisfaction in Soccer: Examination of Congruence and Players Position*. Master Thesis, Department of Physical Education and Sport: Middle East Technical University.
- Chelladurai, P. (1978). *A Contingency Model Of Leadership In Athletics*. Unpublished Doctoral Dissertation, University of Waterloo, Canada.
- Chelladurai, P., & Ogasawara, E. (2003). Satisfaction and Commitment of American and Japanese Collegiate Coaches. *Journal of Sport Management*, 17, 62-73.
- Chelladurai, P., & Carron, A.V. (1978). *Leadership*. Canadian Association For Health, Physical Education And Recreation. Sociology Of Sport Monograph Series A, Calgary, AB: University of Calgary.

- Chelladurai, P. & Saleh S. D. (1978). Preferred leadership in sports. *Canadian Journal of Applied Sport Sciences*, 3: 85-92.
- Chelladurai, P. & Saleh, S.D., (1980). Dimensions Of Leader Behavior In Sports: Development Of A Leadership Scale. *Journal of Sport Psychology*, 2, 34 – 45.
- Chelladurai, P. (1984). Discrepancy Between Preferences And Perceptions Of Leadership Behavior And Satisfaction Of Athletes In Varying Sport. *Journal Of Sport Psychology*, 6: 27-41.
- Chelladurai, P., & Carron, A.V. (1981). Task Characteristics And Individual Differences and Their Relationship to Preferred Leadership in Sports. Dalam Roberts, G.C. & Landers, D.M. (Eds.), *Psychology Of Motor Behavior And Sport*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Chelladurai, P., Imamura, H., Yamaguchi, Y., Oimnuma, Y., & Miyauchi, T. (1988). Sport Leadership In A Cross-National Setting: The Case Of Japanese And Canadian University Athletes. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 10, 374 – 389.
- Chelladurai, P. (1990). Leadership In Sports: A Review. *International Journal of Sport and Exercise Psychology*, 21(4), 328-354.
- Chelladurai, P. & Riemer, H.A. (1997). A Classification Of Facets Athlete Satisfaction. *Journal of Sport Management*, 11,13-159.
- Chelladurai, P. & Riemer, H. (1998). Measurement of Leadership in Sport. In Duda, J. (Ed.), Côté, J., Yardley, J. K., Sedgwick, W.A., & Dowd, J.K. (1996). *Development of the Coaching Behaviour Scale*, Brock University, Canada.
- Collins, K.C. (2002). *An Examination of Factors Influencing Entrapment and Burnout Among Collegiate Female Field Hockey and Lacrosse Coaches*. Unpublished Doctoral Dissertation. Greensboro, USA: University of North Carolina.
- Fleishman, E. (1957). A leader behavior description for industry. In R. Stogdill & A. Coons (Eds.), *Leader behavior: Its description and measurement*. Columbus, OH: Ohio State University, Bureau of Business Research.
- Gordon, J.P.F., (1988). Individual Morality And Reputation Costs As Deterrents To Tax Evasion, *European Economic Review*, forthcoming.
- Gibbons, T., McConnell, A., Forster, T., Riewald, S.T., & Peterson, K. (2003). *U.S. Olympians Describe the Success Factors and Obstacles that Most Influenced their Olympic Development*. Phase II: Results of the Talent Identification and Development Questionnaire to U.S. Olympians. Community Outreach and Coaching and Sport Sciences Divisions: USA.
- Gordon, J.P.F., (1988). Individual Morality And Reputation Costs As Deterrents To Tax Evasion, *European Economic Review*, forthcoming.
- Gordon, R., (1986). Folk Psychology as Simulation, Mind and Language, 1: 158–171; In Davies, M and Stone, T. (eds.), *Folk Psychology: The Theory of Mind Debate*, Oxford: Blackwell Publishers.
- Halpin, A. W. & Winer, B. J. (1957). A factorial study of the leader behavior descriptions. In: R. M. Stogdill & A. E. Coons (Eds). *Leader behavior: its description and measurement*. Columbus: Ohio State University.
- Hemphill, J. K., & Coons, A. E. (1957). Development of the leader behavior description questionnaire. In R. M. Stogdill, and A. E. Coons (Eds.). *Leader behavior: Its description and measurement*. Columbus: The Ohio State University, Bureau of Business Research, Monograph No. 88.
- Horne. T., & Carron, A.V. (1985). Compatibility In Coach- Athlete Relationships. *Journal of Sport Psychology*, 7: 137-149.

- Horn, T.S. (2002). Coaching Effectiveness In The Sport Domain. In T.S. Horn (Ed.). *Advances in Sport Psychology*. Champaign, IL: Human Kinetics, 309-355.
- Iso-Ahola, S. E., & Hatfield, B. (1986). *Psychology Of Sports: A Social Psychological Approach*. Dubuque: W. C. Brown.
- Lim Khong Chiu , Muhammad Mat Yusof , Mohd Sofian Omar Fauzee , Ahmad Tajuddin Othman , Mohd Salleh Aman , Gunathevan Elumalai & Hamdan Mohd Ali (2016). Examining Sport and Physical Activity Participation, Motivations and Barriers among Young Malaysians. *Asian Social Science*; 12(1);
- Liukkonen, J. & S. Salmiminen. (1990). *The Athletes Perception Of Leader Behaviour Of Finish Coaches*. World Congress On Sport For The All. Tampere, Finland: June 3-7, 76-84.
- Mallet, C.J. (2003). Why the fire burn so brightly. *International Journal of Sports Psychology*, 3: 117-131.
- Murray, N.P., (2006). The Differential Effect of Team Cohesion and Leadership Behavior in High School between Sports. *Individual Differences Res.*, 4(4): 216-225.
- Nazarudin, M. N., Omar Fauzee, M. S., Jamalis, M., Soh, K. G., & Din, Anuar. (2009). Coaching Leadership Styles An Athlete Satisfaction Among Malaysian University Basketball Team. *Research Journal Of International Studies*, 9, 4-11.
- Riemer, H. A., & Chelladurai, P. (1995). Leadership And Satisfaction In Athletes. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 17, 276-293.
- Riemer, H. A., & Chelladurai, P. (1998). Development of the athlete satisfaction questionnaire (ASQ). *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 20, 127-156.
- Riemer, H. A. & Toon, K. (2001). Leadership And Satisfaction In Tennis: Examination Of Congruence, Gender And Ability. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 72 (3): 243-256.
- Shaharudin Abd Aziz, 2005. *Perkaitan antara matlamat dan stail kepimpinan dengan pencapaian atlet Sukma Negeri Perak Di Kejohanan Sukma 2004*. eWacana Penyelidikan UPSI,13
- Sarpa, S., Pataco, V., & Santos, F. (1991). Leadership patterns in handball international competition. *International Journal of Sport Psychology*, 22, 78-89.
- Smith, R.E., Schultz, R.W., Smoll, F.L., & Ptacek, J.T. (1995). Development And Validation Of A Multidimensional Measure Of Sport-Specific Psychological Skills: The Athletic Coping Skills Inventory-28. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 17, 379-398.
- Smoll, F. L. & Smith, R.E. (1989). Leadership Behaviors In Sport: A Theoretical Model And Research Paradigm. *Journal Of Applied Social Psychology*, 19: 1522-1551.
- Spink, K. S. (1995). Cohesion and intention to participate of female sport team athletes. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 17, 416-427.
- Stewart, C. (1993). Coaching behaviors: The way you were, or the way you wished you were. *Physical Educator*, 50, 23-30.
- Summers. (1983). Marital Interaction And Satisfaction: A Longitudinal Madison. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 57 (1), 47.
- Sullivan, P.J. & Kent. A. (2003). Coaching Efficacy As A Predictor Of Leadership Styles. In *Intercollegiate Athletics of Applied Sport Psychology*, 15, 1-11.
- Schliesman, E. (1987). Relationship between the congruence of preferred and actual leader behavior and subordinate satisfaction with leadership. *Journal of Sport Behavior*, 10, 157-166.
- Vilani, L. H. P. & Samulski, D. M., (2005), Situational Leadership \hat{E} and the Coach-Athlete Relationship in Brazilian Table Tennis. *Sport Science Research*, 26 (3), 31-36

Ziad Al. Tahayneh. (2003). *The Effects of Coaches. Behaviors and Burnout on The satisfaction and Burnout of Athletes*. Published PHD Dissertation, Department of Sport Management, Recreation Management and Physical Education, Florida State University.

Zhang, J., Jensen, B., & Mann, B. L. (1997). Modification and revision of the Leadership Scale for Sport. *Journal of Sport Behavior*, 20, 105-122.